

١- بَابُ الْإِيمَانِ

قَوْلُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُبْنِي الْإِسْلَامَ عَلَى خَمْسٍ

وَهُوَ قَوْلُ وَفَعُلُ وَيَزِيدُ وَيَنْتَقِصُ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى (لِيَزِدَادُوا إِيْمَانًا مَعَ إِيْمَانِهِمْ) (وَزَدْنَاهُمْ هُدًى) (وَيَزِيدُ اللَّهُ الَّذِينَ اهْتَدَوْا هُدًى)

(وَالَّذِينَ اهْتَدَوْا زَادَهُمْ هُدًى وَآثَاهُمْ تَقْوَاهُمْ) وَقَوْلُهُ (وَيَزِدَادُ الَّذِينَ آمَنُوا إِيْمَانًا) وَقَوْلُهُ (أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ إِيْمَانًا فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا

فَزَادْنَاهُمْ إِيْمَانًا) وَقَوْلُهُ جَلَّ ذِكْرُهُ (فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيْمَانًا) وَقَوْلُهُ تَعَالَى (وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيْمَانًا وَتَسْلِيمًا) وَالْحُبُّ فِي اللَّهِ وَالْبُغْضُ

ialah orang yang orang lain berasa aman daripadanya, sama ada terhadap harta benda atau diri-diri mereka.” (Hadits riwayat Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani dan al-Haakim).

Iman tidak boleh dipisahkan daripada Islam. Kerana iman menggambarkan kepercayaan dalaman seseorang, manakala Islam pula memaparkan sikap luarannya. Sepertimana iman membawa erti aman, damai, tenteram, tenang dan seumpamanya, Islam juga membawa erti selamat, sejahtera, sentosa dan lain-lain. Islam dengan erti-erti ini telah digunakan dengan jelas oleh Nabi s.a.w. sendiri dalam hadits-hadits Baginda s.a.w. Lihat umpamanya surat Baginda kepada Hiraqlu, sebagaimana termaktub di dalam kandungan hadits yang lepas, iaitu: أَسْلَمْتُ تَسْلَمُ Bermaksud: “Islamlah kamu, niscaya kamu akan selamat.”

Keselamatan yang dijamin tidaklah terbatas kepada kehidupan di dunia sahaja, tetapi ianya juga merangkumi keselamatan di dunia dan di akhirat. Malah jaminan keselamatan tersebut juga tidak hanya terbatas kepada penganutnya sahaja, bahkan ia juga meliputi keselamatan penganut-penganut agama lain. Nabi s.a.w. bersabda: الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُؤْمِنُ مَنْ أَمِنَهُ النَّاسُ عَلَى دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ Bermaksud: “Orang Islam ialah orang yang orang lain selamat daripada gangguan lidah dan tangannya. Orang beriman ialah orang yang orang lain berasa aman daripadanya, sama ada terhadap darah (diri-diri) mereka atau harta benda mereka.” (Hadits riwayat Ahmad, Tirmizi, Nasaa’i, Ibnu Hibbaan, Haakim dan at-Thabaraani). Untuk menjelaskan lagi jaminan ini, Nabi s.a.w. telah menganjurkan umatnya agar menyebarkan salam kepada setiap orang Islam yang ditemui. Kerana maksud ‘Selamat sejahtera ke atas kamu’ (السلام عليكم) ialah jaminan keselamatan daripada gangguan pemberi salam kepada penerimanya. Begitu juga sebaliknya harapan pemberi salam daripada penerimanya. Apabila penerima salam menjawab salam, bererti ia juga memberi jaminan keselamatan kepada pemberi salam. Itulah interpretasi Islam yang sebenarnya. Iaitu jaminan keselamatan luaran secara khusus. Sementara ma’na iman pula ialah kedamaian dan ketenteraman jiwa.

فِي اللَّهِ مِنَ الْإِيمَانِ وَكَتَبَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ إِلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْإِيمَانِ فَرَأَى وَشَرَّاعَ وَخَدُودًا وَسُنَّتًا فَمَنْ اسْتَكْمَلَهَا
 اسْتَكْمَلَ الْإِيمَانَ وَمَنْ لَمْ يَسْكُمْلَهَا لَمْ يَسْكُمِلِ الْإِيمَانَ فَإِنْ أَعِشْ فَسَأْتِيهَا لَكُمْ حَتَّى تَعْمَلُوا بِهَا وَإِنْ أُمِتَ فَمَا أَنَا عَلَى ضَحِيَّتِكُمْ
 يَحْرِصُ وَقَالَ إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ (وَلَكِنْ لِيُطْمَئِنَّ قَلْبِي) وَقَالَ مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ اجْلِسْ يَا نُوْمُنُ سَاعَةً وَقَالَ ابْنُ مَسْعُودٍ
 الْيَقِيْنُ الْإِيمَانُ كُلُّهُ وَقَالَ ابْنُ عُمَرَ لَا يُبْلَغُ الْعَبْدُ حَقِيقَةَ التَّقْوَى حَتَّى يَدَعَ مَا حَاكَ فِي الصَّدْرِ وَقَالَ مُجَاهِدٌ (شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ)
 أَوْصِيَاكَ يَا مُحَمَّدٌ وَإِيَّاهُ دِينًا وَاحِدًا وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ (شَرْعُهُ وَمِنْهَا جَا) سَيِّلا وَسُنَّةً (دُعَاؤُكُمْ) إِيْمَانُكُمْ لِقَوْلِهِ عَزَّ وَجَلَّ (قُلْ مَا
 يَعْبُدُكُمْ رَبِّي لَوْلَا دُعَاؤُكُمْ) وَمَعْنَى الدُّعَاءِ فِي اللُّغَةِ الْإِيمَانُ

1. Bab Iman:

Sabda Nabi s.a.w. "Islam Itu Terbina Di Atas Lima Asas".⁸⁷ Ia (Iman) Adalah Ucapan Dan Perbuatan,⁸⁸ Ia Boleh Bertambah Dan Berkurang.⁸⁹ Allah s.w.t. Berfirman, Bermaksud: "Supaya

⁸⁷ Dalam membuka perbincangan tentang iman, Imam Bukhari memulakannya dengan sebuah hadits Nabi s.a.w. yang sangat masyhur tentang rukun Islam. Padahal beliau sedang membicarakan suatu perbincangan di bawah tajuk *Kitabul Iman dan Babul Iman*. Beliau sepatutnya mengemukakan hadits yang membicarakan tentang iman, bukannya tentang Islam! Kemusykilan yang timbul ini sesungguhnya akan terjawab apabila maksud sebenar Imam Bukhari diselami dengan lebih mendalam. Ini kerana tujuan beliau mengaitkan Islam dengan iman adalah untuk menegaskan bahawa iman itu tidak akan membentuk apa-apa gambaran yang mampu disaksikan tanpa dilukis di atas kanvas Islam. Kerana Islam adalah manifestasi yang lahir dan terserlah daripada kewujudan suatu platform bernama iman. Sekiranya iman itu hanya tersimpan di dalam hati sahaja tanpa dizahirkan melalui sebarang gambaran, maka ia tidak akan membuahkan apa-apa hasil dan manfa'at. Misalnya bila keislaman seseorang itu tidak pernah dimaklumi oleh sesiapa pun, sudah pasti dia tidak akan mendapat hak atau dilayani sebagai seorang Islam oleh masyarakat sekeliling. Dan sekiranya orang tersebut meninggal dunia, jenazahnya mungkin saja akan dikebumikan di tanah perkuburan bukan Islam tanpa diselenggarakan mengikut syariat Islam.

⁸⁸ Berdasarkan nuskah Kusymayhani; وَهُوَ قَوْلٌ وَعَمَلٌ (Iman adalah ucapan dan amalan), bukan وَهُوَ قَوْلٌ وَفَعْلٌ (Iman adalah ucapan dan perbuatan). Menurut Hafiz Ibnu Hajar ia adalah lafaz hadits yang dha'if. Iman seseorang itu tidak boleh tidak, haruslah dizahirkan melalui ucapan dan perbuatan. Kerana iman tidak akan membawa sebarang erti tanpa perbuatan atau amalan. Justeru

iman tanpa amalan bagaikan pokok yang tidak berbuah. Dan iman yang bertapak di dasar hati, lazimnya akan diterjemahkan ke dalam ucapan dan amalan. Kerana dorongan iman yang sejati mempunyai gema dan daya yang terlalu kuat untuk dibendung di dalam dada setiap pemiliknya. Begitu jugalah lumrahnya dengan apa jua perasaan yang terpendam di dalam hati setiap insan, lazimnya mereka akan meluahkan dan mempamirkannya dalam bentuk ucapan atau perbuatan. Ucapan serta amalan yang mencerminkan dan membuktikan keimanan seseorang itulah dinamakan Islam.

Berdasarkan kepada kenyataan inilah Imam Bukhari menganggap Islam dan iman itu adalah dua perkara yang sama. Kerana apakah nilainya keislaman seseorang yang tidak disertakannya dengan keimanan? Keimanan seseorang juga tidak akan mendatangkan apa-apa faedah tanpa pengaplikasian keislamannya. Sebagai contoh; orang-orang yang miskin di kalangan masyarakat Islam tidak akan selamanya dapat mengecapi faedah dan kebaikan zakat yang disyariatkan oleh Islam untuk membantu meringankan beban tanggungan mereka, sekiranya masyarakat Islam yang berada dan berkemampuan, kesemuanya bersepakat tidak mahu menunaikan rukun Islam yang ketiga itu. Begitu jugalah dengan amalan-amalan mu'amalat lain yang digalakkan dan dianjurkan oleh syariat, hikmah di sebalik setiap penetapan peraturan dan hukumnya tidak akan dapat dini'mati dan disaksikan. Oleh itu, Islam dan iman adalah dua perkara yang tidak boleh diasingkan kerana kedua-duanya saling menterjemah dan mencerminkan satu sama lain. Setiap ucapan, sama ada yang berbentuk ibadat khusus seperti lafaz-lafaz *Tasbih*, *Tahmid*, *Selawat* dan sebagainya, ataupun yang berunsur kebaikan seperti nasihat, pengajaran dan seumpamanya hanya akan dikira sebagai ibadah yang akan diberikan ganjaran pahala apabila ianya diletakkan di atas asas iman dan Islam. Begitu juga dengan setiap perbuatan atau amal saleh lain yang dituntut pelaksanaannya dalam Islam, kesemuanya hanya akan dikira sebagai ibadah setelah ianya didahului oleh Iman dan Islam. Ungkapan di atas juga bererti iman hanya akan dapat diterjemahkan apabila orang-orang yang beriman mengaplikasikannya dalam bentuk ucapan dan perbuatan. Kerana seseorang yang beriman akan sentiasa memastikan setiap ucapan dan perbuatannya tidak akan tergelincir daripada garis panduan yang ditetapkan oleh Islam.

⁸⁹ Rangkaian kata *يزيد وينقص* sebenarnya adalah sebahagian hadits yang diriwayatkan oleh Daaraquthni daripada Mu'aaz bin Jabal. Lafaz hadits selengkapnya ialah *الإيمان يزيد وينقص*. Kata asy-Syaukaani di dalam al-Fawaa'idu al-Majmu'ah: "Hadits *يزيد وينقص الإيمان* diriwayatkan oleh Daaraquthni daripada Mu'aaz secara marfu'. Di dalam isnadnya ada 'Ammar bin Mathar. Hadits-haditsnya semuanya karut. Hadits ini diriwayatkan juga oleh Ibnu 'Adi daripada Abi Hurairah secara marfu'. Di dalam isnadnya ada Ahmad bin Muhammad bin Harb dan gurunya. Ibnu 'Adi juga meriwayatkan daripada Waatsilah bin al-Asqa' secara marfu' dengan lafaz: *الإيمان قول وعمل يزيد وينقص وعليكم بالسنة فالزموها*. Kata Ibnu 'Adi, hadits ini maudhu'. Punca penyakitnya ialah Ma'ruf al-Khaiyaath. Az-Zahabi di dalam Mizaannya berkata: "Hadits ini yakin palsu". Ada lagi beberapa saluran riwayat bagi hadits ini di dalam kitab Haakim, al-Jauzaqaani dan lain-lain. Tetapi tidak ada satu pun daripadanya sahih." Hadits ini juga diriwayatkan secara mauquf oleh Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Majah daripada Abi Hurairah, Ibnu 'Abbaas dan Abi ad-Dardaa'. Tetapi semuanya dha'if juga. Walaupun hadits ini dihukum dha'if oleh para muhadditsin kerana sanad-sanadnya yang dha'if, namun mereka tetap mengatakan ma'nanya adalah sahih. Rangkaian kata yang dikemukakan oleh Bukhari ini jelas menunjukkan beliau menerima konsep *Murakkabnya* iman itu. Sebaliknya Imam Abu Hanifah pula berpendapat, iman itu sendiri tidak

Bertambah Keimanan Mereka Di Samping Keimanan Yang Telah Sedia Ada Pada Mereka". (al-Fath: 4). "Kami Tambah Kepada Mereka Pertunjuk". (al-Kahf: 13). "Dan Allah Menambahkan Lagi Hidayat Kepada Mereka Yang Telah Mendapat Hidayat". (Maryam: 76). "Bagi Orang-Orang Yang Telah Mendapat Hidayat Akan Ditambah-Nya Lagi Hidayat Dan Diberikan Kepada Mereka Ketaqwaan". (Muhammad: 17). "Dan Supaya Bertambah Keimanan Bagi Mereka Yang Telah Beriman". (al-Muddatstsir: 31).⁹⁰ "Siapakah Di Antara Kamu Yang Bertambah Imannya Dengan

boleh bertambah atau berkurang. Yang boleh bertambah dan berkurang ialah *kaifiatnya*, iaitu kesan, buah atau hasilnya sahaja. Kerana kuantiti *Mu'man bihi* (apa yang wajib diimani) sebagaimana yang tersebut di dalam rukun iman misalnya tidak boleh dipinda lagi. Contohnya setiap orang yang beriman tentulah tidak akan menolak kepercayaan tentang berlakunya hari Qiamat, walau bagaimanapun kesan daripada kepercayaan terhadap hari yang pasti akan muncul itu tentulah tidak akan sama di antara seorang manusia biasa dengan seorang nabi atau malaikat misalnya. Ianya bolehlah diumpamakan seperti seludang pokok, walaupun pohon-pohonnya berasal daripada baka yang sama, tetapi masing-masing tidak menghasilkan jumlah buah-buah yang sama banyaknya. Ada yang merimbun buahnya, namun mungkin juga ada yang jantan, langsung tidak berbuah. Ada yang buah-buahannya sungguh manis, namun terdapat juga yang kelat atau masam rasanya. Begitu jugalah dengan 'buah' keimanan seseorang, ada di antara orang yang beriman sanggup menggadaikan nyawanya demi mempertahankan kedaulatan Islam. Namun tidak kurang juga yang masih belum sanggup berkorban sampai ke tahap itu. Golongan yang '*Kaifiat*' imannya berada di peringkat ini mungkin sekali melarikan diri daripada medan perjuangan.

Jadi menurut Imam Abu Hanifah, pokok iman tetap tidak akan berkurang *Juzu'-juzu'* atau bahagian-bahagiannya. Yang boleh berkurang adalah hasil atau *Kaifiatnya* sahaja. Namun Imam Bukhari dan barisan 'ulama' yang bersependapat dengannya mengatakan iman itu sendiri boleh bertambah dan berkurang. Keadaannya bergantung kepada amalan seseorang. Walau bagaimanapun, jika diperhati dan dibandingkan di antara kedua-dua pendapat tersebut, sebenarnya tidak wujud sebarang perbezaan di antara kedua-duanya, apabila masing-masing sama-sama mengaitkan amalan atau *Kaifiatnya* sebagai ukuran pertambahan atau kekurangan iman.

⁹⁰ Ayat-ayat yang di paparkan oleh Imam Bukhari di atas dengan jelas menyatakan bahawa iman itu boleh bertambah dan berkurang. Namun sepertimana telah penulis perelaskan tadi, konsep pertambahan dan kekurangannya berbeza di antara pandangan beliau dengan pandangan Imam Abu Hanifah, walaupun apabila dicermati, perbezaan yang timbul hanyalah dari sudut kaedah dan pendekatan teknikal sahaja. Tambahan pula tujuan Imam Bukhari membawakan ayat-ayat yang membuktikan pasang surut iman ini adalah untuk mengkritik da'waan golongan *Murji'ah* yang berpendapat iman tidak terjejas dengan apa jua amalan sekalipun. Bagi mereka setiap orang Islam tetap akan dimasukkan ke dalam syurga walaupun tanpa melakukan sebarang amalan keta'atan dan di sepanjang hidupnya ia bergelumang dengan apa jua amalan ma'shiat sekalipun. Fahaman sebegini sebenarnya tidak jauh bezanya dengan fahaman orang-orang Yahudi yang selesa dengan 'keyahudian' mereka apabila al-Qur'an merakamkan kata-kata mereka begini;

Turunnya Surah Ini. Kerana Bagi Orang-Orang Yang Beriman Surah Ini Menambahkan Lagi Imannya". (at-Taubah: 124).⁹¹ (Golongan Munafik Berkata), "Takutlah Kepada Pasukan Tentera Kuffar Quraisy". Sesungguhnya Kata-Kata Itu Semakin Menambahkan Lagi Iman Mereka. (Ali

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَنْ تَمْسَنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ ۚ وَغَرَّهُمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ۚ

Bermaksud: Yang demikian ialah disebabkan mereka (menda'wa dengan) berkata: "Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka melainkan beberapa hari sahaja yang boleh dihitungkan". Mereka (sebenarnya) telah diperdayakan dalam ugama mereka oleh da'waan-da'waan dusta yang mereka telah ada-adakan. (Ali 'Imraan: 24). Bagi mereka dengan hanya menjadi bangsa Yahudi sahaja sudah memadai untuk mereka terlepas daripada seksaan Tuhan. Sebaliknya ajaran Islam yang lebih praktikal tidak pernah mengajar umatnya untuk meninggalkan amalan-amalan keta'atan terutamanya amalan-amalan yang berkaitan dengan kemaslahatan sesama manusia. Fahaman golongan *Murji'ah* yang memandang remeh terhadap penghayatan amalan-amalan keta'atan dan sikap menjauhkan diri daripada amalan kema'shiatan ini adalah terpesong jauh daripada ajaran Islam yang suci. Kerana menurut 'ulama' Ahli as-Sunnah Wa al-Jama'ah, sesetengah amalan, sebagai contohnya melakonkan watak orang kafir dengan melakukan aksi menyembah berhala, boleh menyebabkan iman seseorang terbatal. Melalui ayat-ayat di atas juga, Imam Bukhari menganggap maksud perkataan Islam, petunjuk, taqwa, kebajikan dan seumpamanya adalah sama pada hakikatnya. Kesemuanya haruslah bertunjangkan iman. Menurut beliau lagi, kesemua perkataan tadi boleh dimaksudkan dengan iman. Jadi maksud ayat, "*Kami tambah kepada mereka petunjuk*", adalah sama ma'nanya dengan, "*Kami tambah kepada mereka Iman*".

⁹¹ Pertambahan iman yang dimaksudkan di dalam ayat ini menurut tafsiran Imam Abu Hanifah ialah pertambahan iman para sahabat yang menerima sesuatu hukum atau perintah Allah yang sebelum itu hanya wujud dalam bentuk tulisan dan bacaan ayat-ayat al-Qur'an sahaja, tetapi belum ditetapkan lagi kewajipan pelaksanaannya. Dalam erti kata yang lain, iman mereka tentang sesuatu hukum syari'at itu sudah wujud semenjak ianya disebutkan di dalam al-Qur'an, lalu bertambah selepas mereka menunaikannya sebaik sahaja ia difardhukan. Contohnya ayat-ayat tentang pelaksanaan ibadah Haji, kerana kewajipan menunaikannya hanya diwartakan di penghujung hayat Baginda. Pertambahan dan kekurangan yang sama juga berlaku kepada kekufuran orang-orang kafir, kerana kekufuran mereka juga semakin bertambah setelah turunnya surah yang dimaksudkan. Dalam menjelaskannya Allah s.w.t. berfirman di dalam surah yang sama di dalam ayat selepasnya, iaitu;

وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ ۖ فَزَادَتْهُمْ رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ كَافِرُونَ ۚ

Bermaksud: Adapun orang-orang yang ada penyakit (kufur) di dalam hati mereka, maka surah Al-Qur'an itu menambahkan kekotoran (kufur) kepada kekotoran (kufur) yang telah sedia ada pada mereka; dan mereka mati dalam keadaan kafir. (at-Taubah: 125).

Jadi keimanan para sahabat yang belum sempat menunaikan rukun Islam yang ke lima ini kerana telah meninggal dunia lebih awal daripada tempoh pewartaan kefardhuannya, dikira sebagai iman *Mujmal* iaitu iman secara kasar atau borong. Namun iman secara *Mujmal* seperti itu hanya berlaku di zaman Nabi s.a.w. sahaja, lantaran pada ketika itu proses penetapan hukum-hukum syariat masih belum selesai.